

PEMBENTUKAN FATWA DI NEGERI KEDAH

Kamarudin Ahmad
Sekolah Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia

Malaysia merupakan negara Persekutuan yang terdiri daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang memperuntukan pembahagian kuasa eksekutif dan perundangan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Menurut Jadual Kesembilan Perlembagaan, perkara-perkara berhubung dengan hukum syarak, termasuk pengeluaran fatwa terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, artikel ini akan mengupas sumber-sumber pembentukan fatwa di negeri Kedah.

PENGENALAN

Fatwa merupakan suatu keperluan kepada masyarakat yang hidup di zaman yang sentiasa berubah. Perubahan yang berlaku sama ada perubahan masa mahupun geografi turut dirasai oleh peredaran perkembangan Islam. Oleh itu fatwa berperanan untuk menyelesaikan setiap perubahan dan permasalahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Fatwa bertujuan untuk mengawal masyarakat supaya berada di atas landasan Islam supaya masyarakat tidak keliru dengan arus perkembangan yang berlaku. Apabila keadaan ini berlaku maka masyarakat memerlukan suatu badan atau individu tertentu yang berkemampuan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul. Prosedur pembentukan fatwa di bawah institusi fatwa di Kedah terdapat dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, No. 9, 1962. Hasil daripada peruntukan Enakmen ini maka tertubuhnya Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah.

ERTI FATWA

Al-Qasimi berpendapat bahawa fatwa ialah menjawab masalah yang menjadi kemusykilan dalam hukum (al-Qasimi, 1985:46). Pandangan ini hampir sama

dengan pengertian yang diberikan oleh al-Qardhawi iaitu memberikan jawapan bagi sesuatu masalah (Qardhawi, 1996:1).

Fatwa dimaksudkan sebagai memberikan penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh pihak persendirian ataupun pihak berjamaah. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Rasulullah s.a.w. sebenarnya adalah merupakan penerangan dan jawapan bagi setiap persoalan dan kemusykilan agama yang dihadapi oleh para sahabat r.a. ketika itu (Qardhawi, 1996:1). Fatwa tidak dikeluarkan pada permasalahan yang belum berlaku. Dengan kata lain fatwa sebenarnya adalah hasil daripada permasalahan yang benar-benar berlaku dalam masyarakat (Wael Hallaq, 1994:37). Memberi fatwa bermaksud menjelaskan dan memberikan jawapan bagi sesuatu pertanyaan atau kemusykilan. Penjelasan dan jawapan inilah yang dikatakan fatwa (Mahmud Saedon, 1996:142).

INSTITUSI FATWA KEDAH

Sebelum Penubuhan Pejabat Mufti

Kedah sebenarnya belum mempunyai jawatan mufti yang dilantik khusus untuk memegang jawatan tersebut sebelum wujudnya Pejabat Mufti Negeri. Keadaan ini berlaku kerana tidak diperuntukan jawatan mufti dalam enakmen Negeri Kedah. Semua urusan fatwa ketika itu dilaksanakan oleh sebuah jawatankuasa fatwa yang diketuai oleh seorang pengerusi jawatankuasa fatwa dan ahli-ahli yang dilantik. Perlantikan ahli-ahli jawatankuasa fatwa dilakukan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di bawah peruntukan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah Bil. 9 Tahun 1962. Perlantikan tersebut mestilah diwartakan terlebih dahulu sebelum jawatankuasa ini beroperasi.

Pentadbiran urusan fatwa pula dilakukan oleh kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah yang ditugaskan membantu jawatankuasa ini. Ini bermakna belum wujud satu organisasi yang tersusun dan terasing dengan Jabatan Agama Islam pada ketika itu. Jawatankuasa Fatwa yang bertanggungjawab mengendalikan urusan pembentukan fatwa diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Sultan. Jawatankuasa ini juga hendaklah dianggotai oleh dua orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua orang atau tidak lebih daripada enam orang ahli yang lain. Ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah merupakan orang Islam yang patut dan layak dan tidak di kalangan anggota Majlis. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran

Ugama Islam Kedah No 9. 1962 menyebutkan mengenai perlantikan jawatankuasa fatwa seperti berikut:

“Maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia kemudian daripada berunding dengan majlis melantikan seorang yang patut dan layak menjadi pengerusi jawatankuasa fatwa. Pemberitahu perlantikan itu hendaklah disiarkan di dalam akhbar kerajaan.”

(Seksyen 35)

“Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa fatwa yang mengandungi seorang pengerusi, dua orang daripada anggota majlis yang lain dan tidak kurang daripada dua orang atau lebih daripada enam orang Islam lain yang patut dan layak yang bukan menjadi anggota Majlis.”

(Seksyen 36 (1))

“Maka ahli-ahli jawatankuasa fatwa yang lain daripada pengerusi hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia bagi sekian-sekian masa yang difikirkan patut dan pemberitahu tiap-tiap lantikan itu hendaklah disiarkan di dalam akhbar kerajaan.”

(Seksyen 36 (2))

Selepas Penubuhan Pejabat Mufti

Pentadbiran fatwa di negeri Kedah telah mengalami perubahan besar apabila pada 30 April 1998 apabila Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman telah ditubuhkan mengikut waran perjawatan Negeri Kedah Bil. 3/1998. Dengan penubuhan Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman, semua urusan berkaitan fatwa yang selama ini diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah telah diserahkan kepada Pejabat Mufti yang merupakan organisasi berasingan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah. Walaupun Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman ditubuhkan pada tarikh 30 April 1998 dengan waran perjawatan Negeri Kedah Bil. 3/1998 tetapi pelaksanaan menyeluruh baik dari segi perjawatan mahupun pengurusan sendiri sebenarnya hanya bermula pada Januari tahun 2000 (Faridah Ahmad, 2000).

Dengan tertubuhnya Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman maka buat pertama kalinya dalam sejarah fatwa negeri Kedah, Negeri Kedah mempunyai jawatan Mufti. Mufti Kedah yang pertama ialah Syeikh Abdul Majid Md. Noor. Jawatan ini diwujudkan dengan skim perkhidmatan yang lebih baik. Jawatan-jawatan lain juga diwujudkan bertujuan untuk membantu perjalanan

dan urusan fatwa. Antara jawatan penting yang diwujudkan untuk membantu tugas mufti ialah seorang pegawai penyelidik, pegawai eksekutif dan penolong pegawai penyelidik. Pejabat mufti juga ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk melahirkan sebuah masyarakat Islam yang berilmu dan berwibawa serta mewujudkan fatwa yang benar-benar lengkap, kemas dan bersistematik. Selain itu, pejabat mufti juga bertujuan untuk menjadi tempat rujukan yang utama bagi sebarang masalah agama dan berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat Islam tentang hukum-hukum Islam.

PROSEDUR PENGELUARAN FATWA

Penubuhan Pejabat Mufti secara langsungnya telah mengasingkan urusan fatwa dengan urusan Jabatan Agama Islam Negeri dan paling penting sekali ialah segala permasalahan yang ada hubung kait dengan fatwa diuruskan sendiri oleh kakitangan pejabat mufti. Sebelum ini tidak ada pejabat mufti dan tidak terdapat kakitangan khusus dalam urusan pengurusan fatwa. Walaupun berlaku perubahan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan fatwa namun urusan berkaitan dengan kaedah, prosedur dan proses mengeluarkan fatwa yang terdahulu masih lagi diterima dan diamalkan beserta dengan sedikit pengubahsuaian. Dalam mengeluarkan fatwa, mufti dan jawatankuasa fatwa adalah terikat dengan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di bawah undang-undang berkenaan.

Memohon Mendapatkan Fatwa

Enakmen tahun 1962 telah menyentuh berkaitan dengan prosedur pengeluaran fatwa. Proses mengeluarkan fatwa pada masa ini adalah berdasarkan kepada permintaan dan permohonan dari seseorang melalui satu surat yang dialamatkan kepada setiausaha Majlis yang akan memanjangkan kepada jawatankuasa fatwa bertujuan untuk mengetahui hukum atau fatwa ke atas sesuatu perkara yang timbul. Jawatankuasa fatwa akan menimbangkan setiap surat yang dihantar untuk memastikan hanya soalan atau permasalahan yang sesuai sahaja dijawab. Soalan yang tidak sesuai dan dirasakan tidak perlu dijawab maka pihak jawatankuasa tidak akan melayan soalan tersebut.

Seterusnya, satu penyelidikan akan dilakukan oleh pihak jawatankuasa fatwa ke atas masalah-masalah yang memerlukan kepada penjelasan terperinci. Kertas perbincangan juga akan disediakan oleh jawatankuasa fatwa sebelum menyediakan satu draf fatwa dan akhirnya dikemukakan kepada Majlis. Setelah itu barulah fatwa akan dikeluarkan oleh pengerusi fatwa setelah

berbincang dengan pihak jawatankuasa fatwa negeri. Setiap fatwa yang dikeluarkan akan mengikat umat Islam di Kedah apabila baginda Sultan menitahkan sedemikian serta disiarkan dalam warta kerajaan. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Kedah, No. 9, 1962 menyatakan:

“Bolehlah seseorang dengan surat yang dialamatkan kepada setiausaha meminta Majlis mengeluarkan satu fatwa atau hukum di atas sesuatu masalah hukum syarak. Apabila diterima permintaan yang demikian hendaklah setiausaha sampaikan perkara itu kepada pengerusi jawatankuasa fatwa dengan serta merta.”

(Seksyen 37 (1))

“Jawatankuasa fatwa hendaklah menimbangkan permintaan yang demikian dikecualikan pada fikirannya masalah yang dibentangkan itu hanya karut atau dengan apa-apa sebab lain yang baik tidak patut diberi jawab. Kemudian hendaklah pengerusi bagi pihak dan dengan nama majlis mengeluarkan satu fatwa yang dibenarkan oleh jawatankuasa fatwa mengikutkannya dengan serta merta.”

(Seksyen 37 (2))

“Maka sesuatu fatwa yang diberi oleh majlis sama ada dengan terusnya menerusi jawatankuasa fatwa mengikut syarat-syarat yang telah lepas itu hendaklah jika sekiranya Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian disiarkan dengan pemberitahu di dalam akhbar kerajaan dan tatkala itu hendaklah terkena kepada semua orang-orang Islam yang duduk di dalam negeri ini.”

(Seksyen 38 (2))

Tatacara yang diterangkan di atas adalah berkaitan dengan permohonan fatwa secara rasmi yang boleh dikategorikan sebagai fatwa yang diwartakan. Selain itu, terdapat juga fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa fatwa tetapi tidak diwartakan dan fatwa yang berbentuk soal jawab agama yang berupa jawapan-jawapan lisan atau bertulis Mufti atau pegawainya secara langsung sama ada melalui telefon, surat tidak rasmi ataupun secara e-mel yang tidak melalui proses seperti di atas. Klasifikasi fatwa yang dibahagikan kepada tiga kategori di atas adalah berdasarkan hasil penemuan terbaru yang dijalankan oleh beberapa orang penyelidik universiti tempatan (Ahmad Hidayat Buang, 2000a:90).

Rujukan Fatwa

Enakmen tahun 1962 juga menyenaraikan kaedah atau rujukan yang perlu diterima pakai oleh pihak jawatankuasa fatwa dalam mengeluarkan hukum.

Kaedah yang diterima pakai oleh jawatankuasa fatwa ialah pihak jawatankuasa fatwa akan mengikut *Qaul* muktamad daripada mazhab Syafie pada lazimnya dalam proses menyelesaikan sesuatu masalah seterusnya mengeluarkan fatwa. Selain itu, jawatankuasa fatwa juga merujuk permasalahan yang timbul kepada *qaul dhaif* mazhab Syafie jika didapati *qaul* muktamad tadi berlawanan dengan maslahat orang ramai. *Qaul-qaul* yang sesuai daripada mazhab Hanbali, Hanafi dan Maliki juga kadang-kadang menjadi rujukan setelah didapati *qaul* muktamad dan dhaif daripada mazhab Syafie tidak sesuai atau boleh menjejaskan kepentingan awam. Fatwa yang diambil dari mazhab yang lain dari Syafie disyaratkan hendaklah diterangkan dengan jelas berserta huraian yang lengkap. Tindakan ini mestilah mendapat keizinan khas daripada Sultan Kedah. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Kedah No. 9. 1962 menyatakan bahawa:

“Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah disyaratkan dahulu itu maka hendaklah majlis atau jawatankuasa fatwa pada lazimnya mengikut qaul yang muktamad daripada mazhab Syafie; dengan syaratnya jika majlis atau jawatankuasa fatwa memikir bahawa dengan mengikut qaul yang muktamad itu akan menjadi berlawanan dengan masalah orang ramai maka bolehlah majlis atau jawatankuasa fatwa mengikut qaul yang dhaif daripada mazhab Syafie melainkan sekiranya Duli Yang Maha Mulia bertitah yang berlainan dengannya; dengan syaratnya lagi jika majlis atau jawatankuasa fatwa memikirkannya bahawa dengan mengikut samada qaul yang muktamad ataupun qaul yang dhaif daripada mazhab Syafie itu akan menjadi berlawanan dengan masalah orang ramai maka bolehlah majlis atau jawatankuasa fatwa dengan mendapat izin yang khas daripada Duli Yang Maha Mulia mengikut mana-mana satu qaul daripada mazhab yang tiga lagi itu iaitu Hanafi, Maliki atau Hanbali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai akan tetapi di dalam mana-mana fatwa yang demikian maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan diikuti itu hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraian yang mustahak.”

(Seksyen 38 (1))

Prosedur mengeluarkan fatwa pada masa ini masih lagi mengekalkan proses yang telah diamalkan dan diterangkan sebelum ini iaitu setiap permasalahan baru akan dirujuk kepada mufti yang dibantu oleh satu jawatankuasa yang masih terdiri daripada dua orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua orang atau tidak lebih dari enam orang yang patut dan layak dan bukan di kalangan anggota Majlis. Jawatankuasa fatwa yang dipengerusikan oleh mufti

masih lagi berperanan dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan baru.

Kaedah pengeluaran fatwa atau hukum masih lagi berdasarkan kepada kaedah yang telah diamalkan antaranya setiap permasalahan perlu diselesaikan berdasarkan kepada pandangan mazhab Syafie yang muktamad, kemudian yang dhaif dan akhirnya berdasarkan kepada pandangan tiga mazhab yang lain dengan syarat ianya mendatangkan kemaslahatan kepada masyarakat Islam (Enakmen, Seksyen 38 (1)).

Perkara yang membezakan antara institusi sekarang dengan yang sebelum ini ialah tatacara dan kaedah pengeluaran fatwa yang dinyatakan secara lebih jelas. Sumber-sumber rujukan juga dinyatakan. Pihak jawatankuasa fatwa dalam menentukan fatwa dan hukum kepada setiap permasalahan baru akan merujuk kepada kaedah berikut berasaskan urutan yang pertamanya kepada al-Quran; keduanya al-Sunnah; ketiganya *al-Ijma*; keempatnya *al-Qias* dan seterusnya kepada sumber-sumber lain yang muktabar. Sumber-sumber muktabar yang lain tidak dinyatakan dengan jelas di sini. Hasil kajian penulis mendapati bahawa sumber muktabar itu ialah sumber-sumber yang berasaskan kepada mazhab Shafie (Faridah Ahmad, 2000). Sesuatu yang baru dan agak baik ialah pihak jawatankuasa fatwa juga akan merujuk kepada pengalaman badan-badan fatwa negeri dan negara Islam yang lain dalam mengeluarkan fatwa.

PEWARTAAN FATWA

Kedudukan fatwa yang terdapat sekarang berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat Buang dan kumpulan penyelidik universiti tempatan membahagikan fatwa kepada tiga bentuk iaitu fatwa warta, fatwa minit mesyuarat dan fatwa berasaskan soal jawab (Ahmad Hidayat Buang, 2000a:90; Faridah Ahmad, 2000). Fatwa warta merupakan suatu fatwa yang jarang-jarang berlaku dan fatwa ini akan mengikat seluruh masyarakat Islam di Kedah. Kedudukan fatwa warta wujud apabila ianya diperuntukan dalam enakmen tahun 1962. Selain itu, arahan yang dibuat melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri atas titah Sultan mengenai hal ehwal agama Islam juga dianggap mengikat dan sama dengan fatwa yang diwartakan (Ahmad Hidayat Buang, 2000b:5). Fatwa minit mesyuarat pula merupakan suatu fatwa yang diputuskan dalam setiap mesyuarat yang diadakan.

Manakala fatwa soal jawab pula merupakan permasalahan yang dijawab terus melalui tulisan atau lisan oleh pihak mufti ataupun pegawai penyelidik berkaitan dengan sesuatu isu. Fatwa soal jawab adalah juga merupakan himpunan jawapan yang diberikan oleh pihak Pejabat Mufti menerusi talian telefon dan sekarang ini pihak Pejabat Mufti menyediakan laman web mereka sendiri untuk menjawab persoalan yang kecil yang tidak memerlukan kepada mesyuarat jawatankuasa fatwa ataupun penyelidikan yang mendalam. Bukan semua persoalan akan dijawab oleh jawatankuasa fatwa seperti yang telah diterangkan dan bukan semua persoalan yang dijawab (fatwa) oleh jawatankuasa fatwa akan diwartakan.

PENGUATKUASAAN FATWA

Fatwa yang telah diwartakan akan dijadikan undang-undang yang mengikat umat Islam dalam negeri Kedah. Penguatkuasaan fatwa pada masa ini adalah di bawah bidang kuasa bahagian penguatkuasaan Majlis Agama Islam Negeri. Walaupun Pejabat Mufti akan melayan semua pertanyaan yang melibatkan hukum yang meliputi berbagai bidang sama ada syariah, munakahat mahupun jinayah namun tidak semua pertanyaan dan hukum akan diwartakan. Ini juga bermakna tidak semua fatwa akan dikuatkuasakan. Penguatkuasaan fatwa masih lagi terikat dengan peruntukan Perlembagaan yang menyebutkan bahawa:

“Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.”

(Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4 (1))

Peruntukan Jadual Sembilan Senarai II mengenai kuasa yang diberi kepada negeri-negeri untuk mewujudkan undang-undang juga berkaitan dengan penguatkuasaan fatwa. Negeri-negeri hendaklah memastikan bahawa apa-apa undang-undang yang hendak diwujudkan dan diwartakan itu tidak bercanggah dengan undang-undang induk iaitu Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya berlaku percanggahan di antara undang-undang yang diadakan dalam enakmen negeri itu dengan Perlembagaan Persekutuan maka ia terbatal setakat mana yang bercanggah itu (Hussin Ahmad, 1989:17). Apabila fatwa dijadikan sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam maka perlanggaran kepada

undang-undang tersebut (fatwa) boleh menyebabkan seseorang disabitkan dengan kesalahan tertentu.

Seseorang yang tidak mematuhi fatwa boleh dikenakan hukuman kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah (Bil. 9/1998) di bawah Seksyen 24(2) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Selain itu, mana-mana orang Islam juga tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa berasingan yang bertentangan dengan fatwa rasmi (yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti). Perbuatan mengeluarkan fatwa, mengembang dan menyebarkan apa-apa pendapat berupa fatwa mengenai ajaran Islam yang bertentangan dengan fatwa rasmi adalah dianggap salah.

Sesiapa yang mengeluarkan apa-apa fatwa mengenai persoalan agama selain daripada mufti dan ahli jawatankuasa fatwa maka ia dianggap salah dan boleh didenda. Mahkamah berkuasa untuk bertindak terhadap sebarang unsur untuk menarik masyarakat berpegang kepada fatwa tersebut dengan melarang penerbitan, pengedaran serta merampas dan memusnahkan sebarang bahan bertulis di samping mengenakan denda seperti dinyatakan di atas.

BIDANG KUASA MUFTI

Mufti yang dilantik oleh Sultan bertindak selaku penasihat kepada Sultan dalam menyelesaikan permasalahan semasa mengenai hukum syarak, Mufti akan bertindak selaku ketua Pejabat Mufti Negeri Kedah. Tanggungjawab mufti yang paling penting ialah menyelesaikan sebarang masalah agama yang ada kaitan dengan akidah, hukum dan sebagainya serta mengeluarkan fatwa mengenai permasalahan yang dibangkitkan oleh kerajaan, pertubuhan atau orang perseorangan. Mufti merupakan pengerusi kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Selain itu beliau juga dipertanggungjawabkan mempengerusikan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan dan Jawatankuasa Penetapan Takwim Solat.

KESIMPULAN

Kewujudan institusi fatwa di Malaysia adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan negeri-negeri menguruskan sendiri urusan yang berkaitan dengan agama Islam. Kedudukan ini memberi kesan kepada berlakunya ketidakseragaman pentadbiran undang-undang Islam

termasuk institusi fatwa di Malaysia. Ketidakteraturan berlaku baik dari sudut organisasi mahupun prosedur pengeluaran fatwa itu sendiri. Keadaan inilah juga menyebabkan Kedah baru sahaja melaksanakan atau mewujudkan jawatan mufti sedangkan negeri-negeri yang lain telah melaksanakannya terlebih dahulu. Penguatkuasaan fatwa antara negeri juga tidak berlaku kesatuan.

Sultan merupakan ketua agama Islam di setiap negeri termasuklah negeri Kedah. Sultan dalam menjalankan tugasnya akan dibantu oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Agama dan Pejabat Mufti. Pejabat Mufti bertanggungjawab melaksanakan urusan fatwa. Setiap permasalahan yang timbul sama ada masalah baru atau lama akan dijawab oleh pihak bertanggungjawab dengan keutamaan hendaklah diberikan kepada mazhab Shafie, kemudian kepada lain-lain mazhab yang dibenarkan setelah mendapat keizinan daripada Sultan.

BIBLIOGRAFI

Ahmad Hidayat Buang (2000a). *Laporan bentuk-bentuk dan statistik fatwa semasa di Malaysia*. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ahmad Hidayat Buang (2000b). Fatwa-fatwa Kedah: Satu analisis mengenai bentuk dan aliran dari perspektif pembangunan. Dalam *Seminar Kedah 100 Tahun*. Anjuran IDAMAN, Universiti Utara Malaysia.

al-Qasimi (1985). *al-Fatawa fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Kedah, No. 9, 1962.

Faridah Ahmad (24 Julai 2000). Temubual dengan Pegawai Penyelidik di Pejabat Mufti.

Hussin Ahmad (1989). Kebebasan beragama dalam perlembagaan Malaysia menurut peruntukan enakmen negeri-negeri. *Jurnal Penyelidikan Islam*, JAKIM, Bil 7.

Mahmud Saedon A. Othman (1996). *Institusi pentadbiran undang-undang kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4 (1).

- Qardhawi (1996). *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan*. Ahmad Nuryadi Asmawi (penterjemah). Selangor: Thinkers Library.
- Wael Hallaq (1994). From fatwas to furuq: Growth and change in Islamic substantive law. *Islamic Law and Society*, Leiden, Vol. 1, h. 37.

